Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global terus berkembang dengan kukuh.**
- **Pertumbuhan eksport memberangsangkan, disokong oleh peningkatan yang meluas dalam permintaan global.**
- **Turun naik pasaran kewangan meningkat di tengah-tengah kebimbangan mengenai ketegangan perdagangan antara ekonomi utama.**

Pertumbuhan global terus meningkat

Pada suku pertama 2018, ekonomi global terus berkembang dengan teguh. Kebanyakan negara ekonomi utama dan serantau mencatat pertumbuhan suku tahunan yang kukuh, menunjukkan momentum pertumbuhan global yang positif berbanding dengan tahun lalu masih berterusan.

Dalam ekonomi maju, pertumbuhan didorong terutamanya oleh penggunaan swasta. Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik telah merangsang perbelanjaan isi rumah. Kegiatan pelaburan meningkat di tengah-tengah permintaan yang kukuh, seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Pengurus Pembelian (PMI) S1 2018 sektor perkilangan. PMI terus berkembang dengan kukuh[1] pada 59.7 di Amerika Syarikat (AS) dan 58.3 di kawasan euro.

Pertumbuhan rantau Asia disokong oleh keadaan permintaan global yang memberangsangkan, dengan beberapa ekonomi mengekalkan pertumbuhan eksport dua angka pada suku pertama. Permintaan dalam negeri terus berdaya tahan hasil sokongan pelaksanaan dasar dan perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi.

Ekonomi global berkembang lebih pantas pada S1 2018

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Pihak berkuasa negara

[1] PMI Perkilangan melebihi 50 menunjukkan pengembangan.

Prestasi eksport kukuh pada S1 2018

Rajah 2: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Pihak berkuasa negara

Ketidaktentuan tinggi dalam pasaran kewangan

Rajah 3: Index Ketidaktentuan (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pertumbuhan eksport terus memberangsangkan

Perdagangan global terus berkembang dengan teguh meskipun terdapat kesan asas (base effect) yang tinggi. Ini didorong terutamanya oleh peningkatan yang meluas dalam permintaan global.

Permintaan untuk produk E&E, terutamanya dari Korea dan China Taipei, terus meningkat pada suku tersebut. Hal ini mencerminkan permintaan yang masih lagi kukuh untuk barangan elektronik pengguna, khususnya automotif, peranti pintar dan peralatan elektrik seperti peti sejuk dan pembersih vakum yang memerlukan pemasangan alat pengesan (sensor).

Secara keseluruhan, eksport rantau Asia meningkat pada kadar dua angka yang kukuh pada suku pertama.

Turun naik pasaran kewangan semakin ketara

Turun naik pasaran kewangan global adalah semakin ketara pada suku pertama. Hal ini berlaku berikutan pengumuman AS untuk mengenakan tarif ke atas keluli dan aluminium. Perkembangan ini, berserta tindak balas Republik Rakyat China (RRC), telah menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan meletusnya perang perdagangan antara kedua-dua negara ekonomi utama dunia itu.

Turun naik ini walaupun reda sedikit pada akhir suku pertama, namun kekal pada tahap yang tinggi disebabkan oleh ketidakpastian berhubung dengan kemungkinan pelaksanaan langkah-langkah perdagangan dan tindak balas yang mungkin timbul. Namun demikian, sebahagian besar pasaran kewangan tidak terjejas oleh dasar monetari yang diambil memandangkan masa pelaksanaan dan kadar pelarasan dasar adalah selaras dengan jangkaan.

Dalam pasaran komoditi, harga minyak mentah Brent purata adalah pada USD67[2] setong pada suku pertama 2018 (S4 2017: USD62 setong). Kenaikan harga minyak itu didorong terutamanya oleh keyakinan para pelabur terhadap pasaran niaga hadapan. Ini berikutan laporan bahawa tempoh pengurangan pengeluaran minyak oleh OPEC mungkin dilanjutkan selepas tahun 2018. Kenaikan harga minyak turut disebabkan oleh kebimbangan terhadap gangguan bekalan di Timur Tengah dan Venezuela.

[2] Berdasarkan harga hadapan 1 bulan minyak mentah Brent.